

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 1994/95

Oktober/November 1994

SBU 324 - Kesihatan dan Pembangunan

Masa : [3 jam]

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi DUA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab TIGA (3) soalan daripada soalan-soalan berikut.

1. Bincangkan kebaikan dan kelemahan definisi "kesihatan" yang telah dicadangkan oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia. Bagaimanakah ianya berbeza dengan ertikata "kesihatan" mengikut perspektif functionalisme dan perspektif Marxisme?

[100 markah]

2. Huraikan istilah-istilah berikut:

- [i] epidemik
- [ii] kadar incidence
- [iii] kadar prevalence

Bincangkan kejatuhan kadar kematian dalam sejarah negara-negara barat dan faktor-faktor yang menyumbang kepada kejatuhan tersebut. Sejauhmanakah pengalaman ini relevan kepada negara-negara Dunia Ketiga?

[100 markah]

3. Bincangkan dengan contoh-contoh tertentu impak pembangunan ke atas kesihatan manusia yang berpunca daripada pencemaran alam sekitar. Apakah pendapat anda terhadap langkah-langkah yang sedang dipertimbangkan untuk menyelesaikan masalah pencemaran udara?

[100 markah]

...2/-

4. Apakah yang dimaksudkan oleh istilah-istilah berikut:

- (i) HIV-positif
- (ii) HIV-antibody positif
- (iii) pesakit AIDS

Huraikan ciri-ciri wabak AIDS yang mesti diambilkira dalam usaha-usaha mengawalinya.

[100 markah]

5. Berikan komen anda terhadap kebaikan dan kelemahan sistem-sistem perkhidmatan kesihatan yang berikut:

sekim insuran kesihatan kebangsaan

perkhidmatan kesihatan negara

sistem-sistem berasaskan penglibatan komuniti

Menteri Kesihatan baru-baru ini menyatakan bahawa perkhidmatan kesihatan di Malaysia boleh diswastakan apabila purata pendapatan negara telah sampai ke tahap yang sesuai. Bincangkan kenyataan ini.

[100 markah]